

26/02/2003

Jadikan dunia aman (HL)

KUALA LUMPUR: Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) berakhir di sini lewat malam tadi dengan 112 negara sebulat suara meluluskan Deklarasi Kuala Lumpur yang antara lain membawa mesej ke arah keamanan dunia.

Dalam deklarasi enam halaman itu, mereka mahukan keamanan dunia ditingkatkan melalui dialog dan diplomasi di kalangan 116 anggota NAM serta mengelak paksaan bagi menangani konflik.

Mereka mahu proses pelbagai hala menjadi kaedah tunggal dalam setiap tindakan, bagi memelihara kepentingan negara anggotanya dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Hasrat itu bertujuan mengukuhkan kepercayaan dan komitmen yang kuat terhadap ideal, prinsip dan tujuan NAM seperti digariskan dalam Deklarasi

Bandung dan Piagam PBB, bagi mencapai matlamat mewujudkan orde dunia yang aman, makmur, lebih adil dan saksama.

Sidang kemuncak itu turut memperakukan dua pernyataan berasingan, masing-masing mengenai Iraq dan Palestin serta Dokumen Akhir setebal lebih 300 bab mengandungi pelbagai aspek membabitkan masa depan pergerakan itu.

Penyataan dua halaman mengenai Iraq yang bertujuan menghindarkan peperangan, menggesa negara itu supaya mematuhi Resolusi Majlis Keselamatan PBB resolusi lain yang berkaitan, untuk melucutkan senjata.

Dalam pernyataan itu, NAM percaya langkah itu amat penting untuk membuka laluan bagi penyelesaian yang komprehensif dan aman terhadap semua isu tertangguh antara Iraq dan PBB dengan mengambil kira kebimbangan semua pihak yang menerima kesannya, termasuk jiran-jiran Iraq.

Penyataan mengenai isu Palestin pula, pemimpin NAM mendesak pengunduran serta merta tentera Israel dari wilayah Palestin pada kedudukan sebelum September 2000 serta melahirkan kebimbangan terhadap kemusnahan dan kerosakan berterusan yang dilakukan rejim Yahudi itu.

Dokumen Akhir setebal 76 muka surat pula mencakupi hampir keseluruhan isu dialami negara anggota, memberi perhatian khusus kepada isu perlucutan senjata nuklear, keselamatan antarabangsa, keganasan dan kesan globalisasi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi baru NAM, ketika berucap menutup sidang kemuncak itu, mengisytiharkan bahawa pergerakan berusia 47 tahun masih tetap relevan dalam melindungi dan menggalakkan kepentingan negara Selatan dalam sebuah dunia yang jelas dikuasai negara besar yang langsung tidak kisah dengan negara membangun.

Perdana Menteri menegaskan, kedudukan NAM tidak harus dipersoalkan lagi kerana ia kini sudah disuburkan semula, merangkumkan harapan dan

aspirasi

negara anggota bagi kemakmuran ekonomi dalam sebuah dunia yang aman, selamat dan saksama.

Sebaik beliau menamatkan ucapannya kira-kira 10.40 malam, semua pemimpin

yang hadir bangun memberikan tepukan gemuruh. Upacara itu tamat dengan rakaman lagu NAM Shall Lead The Way dimainkan.

Sidang kemuncak kali ini yang bertemakan 'Meneruskan Penyuburan Semula NAM' dihadiri 112 daripada 116 negara anggota. Empat negara yang tidak hadir ialah Granada, Honduras, Cape Verde dan St Vincent and The Grenadines.

Dr Mahathir, dalam sidang akhbarinya selepas itu berkata, keutamaan NAM sekarang ialah menyelesaikan konflik Palestin dan menghindari peperangan di Iraq.

Sementara itu, bagi menjamin 'suara NAM' terus bergema di pentas dunia,

Deklarasi Kuala Lumpur turut berikrar untuk sentiasa berada di barisan hadapan dalam proses membuat keputusan pada peringkat antarabangsa. Ia selaras dengan hasrat NAM yang sebelum ini dicap sebagai talk show, untuk

menterjemah retorika kepada bentuk tindakan.

Deklarasi itu turut menuntut peningkatan kerjasama Selatan-Selatan dalam semua aspek hubungan seperti politik, sosial, kebudayaan, ekonomi dan saintifik.

Bagi memastikan NAM terus relevan dan berguna, NAM berazam untuk mengambil beberapa langkah bagi mengukuhkan kesatuan serta perpaduan supaya pergerakan ini tidak dipecah belahkan dalam isu antarabangsa.

Ia juga berazam mengukuhkan peranan Pengerusi, sebagai jurucakap NAM melalui penubuhan mekanisme yang sewajarnya sebagai sebagai sebahagian sistem sokongan yang diperlukan.

Selain itu, ia mahu meningkatkan dialog dan interaksi konstruktif dengan rakan lain terutama G-8, melalui mekanisme sedia ada atau yang patut diwujudkan.

Dalam merealisasikan matlamat penyuburan semula NAM, pemimpin mahukan supaya NAM meningkatkan semua usaha ke arah mempromosi semula dunia multipolar melalui pengukuhan PBB, sebagai pertubuhan antarabangsa disegani bagi mengekalkan keamanan serta keselamatan dunia.